



PUSAT PEMBANGUNAN PROFESIONAL (IPNCPD)
INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
Tingkat 1, Menara 2
Wisma Mustapha Kamal
Neocyber, Cyber 12
63000 Cyberjaya
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-83244400
Fax : 03-83187394
Web : <http://www.ipn.gov.my>

Rujukan Kami : JANM.IPNCPD.600-19/4/8 (1)
Tarikh : 17. Ogos 2020

KEPADA SEMUA PENOLONG AKAUNTAN LANTIKAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Tuan/Puan,

PELAWAAN MENYERTAI PROGRAM LATIHAN DAN PENSIJILAN: *MICROSOFT OFFICE SPECIALIST (MOS) CERTIFICATION* BAGI *EXCEL 2019* DAN *POWERPOINT 2019* UNTUK SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG AKAUNTAN

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Pusat Pembangunan Profesional (IPNCPD), Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan mengadakan Program Latihan Dan Pensijilan: *Microsoft Office Specialist (MOS) Certification Bagi Excel 2019 Dan PowerPoint 2019* untuk Skim Perkhidmatan Penolong Akauntan seperti ketetapan berikut:

**Program/ Tarikh : *Microsoft Office Specialist (MOS) Certification: Excel 2019*
21 – 25 September 2020**

***Microsoft Office Specialist (MOS) Certification: PowerPoint 2019*
5 – 8 Oktober 2020**

Tempat : Pusat Pembangunan Profesional (IPNCPD), Cyberjaya & Prestariang Berhad, NeoCyber, Cyberjaya

Masa : 8.30 Pagi – 5.00 Petang

3. Untuk makluman tuan/puan, program latihan ini terbuka kepada Skim Perkhidmatan Penolong Akauntan sahaja. Program Latihan ini akan melibatkan pembelajaran secara teori dan praktikal dan setiap peserta perlu menduduki peperiksaan yang disediakan oleh Microsoft pada hari akhir program latihan. Perincian pelan program latihan adalah seperti berikut:

MICROSOFT OFFICE SPECIALIST (MOS) CERTIFICATION	PELAN PROGRAM LATIHAN	TEMPOH MASA	TEMPAT
Excel 2019	Kursus	3 Hari	IPNCPD, Cyberjaya
	Persediaan Peperiksaan	1 Hari	
	Peperiksaan	1 Hari	Prestariang Berhad, Cyberjaya
PowerPoint 2019	Kursus	2 Hari	IPNCPD, Cyberjaya
	Persediaan Peperiksaan	1 Hari	
	Peperiksaan	1 Hari	Prestariang Berhad, Cyberjaya

4. Calon yang berjaya dan terpilih akan dimaklumkan melalui e-mel. Untuk makluman tuan/puan, **kemudahan penginapan serta pengangkutan perlu diuruskan oleh peserta sendiri**. Makan minum sepanjang sesi program latihan akan disediakan. Selain itu juga, tuan/puan adalah dipohon agar dapat mengemukakan bayaran pendaftaran kursus sebanyak **RM30.00 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Sahaja)** secara **TUNAI**. Pembayaran hendaklah dibuat kepada Urus Setia Program Latihan semasa sesi pendaftaran program latihan.

5. Tuan/puan yang berminat boleh memohon program latihan ini di pautan <https://forms.gle/XjzMgXeFF1wkXHAQA> atau imbas QR Code di *flash banner* di laman web JANM sebelum atau pada 28 Ogos 2020.

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai program latihan ini boleh diajukan kepada urus setia seperti berikut:


- i. Pn Effar Yusni binti Mustafa @ Azhar
Tel: 03-8324 4407 | E-mel : effar@anm.gov.my
- ii. Cik Haslili binti Ismail
Tel: 03-8324 4506 | E-mel : haslili.ismail@anm.gov.my

7. Perhatian dan kerjasama tuan/puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. D. JOYCE CHRISTINA DHARMARAJ)
C.A (M), CPA (Aust.), CFFA (UK), ASEAN CPA, FCMA (UK), CGMA
Pusat Pembangunan Profesional
b.p Pengarah
Institut Perakaunan Negara